

Program mobiliti bantu capai pelajar minda kelas pertama

UB 14.1.2015 A3

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KOTAKINABALU: Program mobiliti yang diadakan antara universiti awam pendedahan

terbaik capai pelajar minda kelas pertama.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, ia

juga satu peluang untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Menurutnya, para pelajar yang terlibat dapat menimba pelbagai pengalaman termasuklah pendekatan

akademik dan budaya dari universiti lain.

“Program yang berkonsepkan pertukaran pelajar ini boleh menjadikan mereka sebagai duta dalam mewar-warkan perkembangan dari universiti di negara kita.

“Sehubungan itu, program sebegini seharusnya tidak terhad kepada penglibatan universiti awam sahaja, tetapi sebaiknya ia diperluaskan ke universiti di luar negara.

“Ia seiring dengan usaha untuk mengantara bangsakan pelajar kerana sekarang kita tidak melihat pelajar universiti hanya berada di dalam negara sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan majlis Penutupan Program Mobiliti UMS-Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini kelmarin.

Ismail berkata, seramai lima pelajar jurusan Kerja Sosial Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS mengikuti program berkenaan selama satu semester di UUM dan begitu juga lima mahasiswa UUM mengikuti program yang sama di UMS.



ISMAIL (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar yang mengikuti Program Mobiliti UMS-UUM.



PARA peserta Program Mobiliti UMS-UUM merakamkan kenangan bersama tetamu jemputan.

Pihaknya berharap program berkenaan dapat diteruskan pada masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai pelajar dari universiti awam yang lain.

Salah seorang pelajar UMS yang ditukarkan ke UUM Joel Arthur Walter berkata, pendekatan akademik yang berbeza banyak membantunya untuk lebih cemerlang dalam aspek pembelajaran.

“Selain berpeluang menimba banyak pengalaman di tempat lain, saya juga dapat berjumpa dengan lebih ramai kawan.

“Sokongan dan bantuan

dari semua pihak yang terlibat termasuklah pensyarah di UMS dan UUM memberi dorongan kepada saya sepanjang mengikuti program ini,” katanya.

Walaupun terpaksa berjauhan dari keluarga selama hampir enam bulan, Joel menganggap ia satu pengalaman paling berharga.

Bagi pelajar Pengurusan Kerja Sosial dari UUM Muhammad Shah Ruhiel Husin, berada di Sabah memberi pendedahan kepada dia untuk mempelajari kepelbagaiannya budaya di negeri

ini.

Menurutnya, perbezaan budaya di setiap daerah juga satu keunikan di Sabah dan ia pengalaman yang bermanfaat semasa mengikuti program komuniti.

“Sepanjang mengikuti program ini, saya belajar banyak perkara termasuklah dalam menilai kelebihan dan kekurangan di kedua-dua tempat.

“Ia sekaligus menjadikan saya supaya lebih bersyukur dengan apa yang diperolehi melalui program ini,” jelasnya.